

| | | | |
|------------|---------------|---------|----------|
| TARIKH | 25 / 9 / 2012 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | 26 | RUANGAN | setempat |

Jemaah mudah tukar riyal

PETALING JAYA: Bakal jemaah haji di Kompleks Tabung Haji di Kelana Jaya bukan saja menerima pelbagai kemudahan dari segi penginapan dan sebagainya, malah perkhidmatan tukaran mata wang turut disediakan bagi kemudahan semua.

Pengarah Operasi Haji Tanah Air Stesen Kelana Jaya, Mohd Rafidi Ibrahim berkata, pihaknya mendapat kerjasama Bank Islam (M) Berhad menawarkan kemudahan terbabit dalam usaha membolehkan jemaah haji pergi dalam keadaan serba lengkap.

"Jemaah digalakkan membuat transaksi di sini kerana Tabung Haji tidak menyediakan perkhidmatan itu di Tanah Suci.

"Kami tiada jaminan atas kadar

tukaran asing dan mereka terpaksa menukar sendiri wang masing-masing di sana," katanya.

Beliau berkata, dua kaunter dibuka sepanjang masa mengikut waktu penerbangan berdekatan khemah menunggu dan dalam dewan berlepas supaya bakal jemaah dapat membuat transaksi dengan selamat dan tidak terburu-buru.

Mohd Rafidi berkata, mereka digalakkan tidak membawa wang terlalu banyak memandangkan kemudahan makan dan minum disediakan ketika di Tanah Suci.

"Jemaah bertanggungjawab menukar sendiri mata wang ringgit kepada riyal di kaunter pengurup wang berlesen persendirian di situ," katanya.

Harian **METRO**

| | | | |
|------------|---------------|---------|----------|
| TARIKH | 25 / 9 / 2012 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | 26 | RUANGAN | sempit |

